




# SEJARAH

Kampung Rinching Hilir telah dibuka pada sekitar tahun 1915 oleh sekumpulan lima orang panglima dari Minangkabau, Sumatera. Antara nama panglima-panglima tersebut ialah Tok Pulut, Tok Jalik, Tok Mantau dan Tok Sayid. Para panglima ini datang berhijrah ke kawasan Kampung Rinching Hilir tanpa membawa bersama ahli keluarga mereka dan telah mendirikan pondok-pondok kediaman di kawasan yang berbukit.

Para Panglima dari Minangkabau ini adalah orang yang hebat dan kuat atau 'bagak' dalam bahasa Minangkabau. Ini kerana mereka tidak takut dan berganjak dari kawasan pondok kediaman mereka walaupun banyak harimau berkeliaran di kawasan itu terutama pada waktu malam. Selain itu, dikisahkan juga bahawa salah seorang daripada panglima itu telah berjaya menangkap ikan bujuk dan sepat sebesar manusia ketika memancing di kawasan berpaya di sekitar kawasan kampung itu.

Sementara nama-nama tokoh yang berasal dari tanah Jawa pula ialah seperti Kiai Shukur, Hj Idris, Hj Sirat, Hj Sarkawi dan Hj Hussin.
Sejarah ini membuktikan bahawa Kampung Rinching Hilir adalah sebuah kampung yang didiami oleh dua etnik terbesar iaitu Jawa dan Minang.

Kampung Rinching Hilir mendapat nama amat berbeza dengan Kampung Rinching Tengah. Perkataan 'Rinching' sebenarnya membawa maksud saliran sungai yang merentasi kawasan kampung tersebut. Oleh kerana kampung tersebut terletak di kuala sungai itu, maka nama Kampung Rinching Hilir telah digunakan.



## SEARCH THIS BLOG

Search

## PORTAL RASMI KERAJAAN NEGERI SELANGOR

PORTAL RASMI KERAJAAN NEGERI SELANGOR Terbaik Daripada Kami

## MES SELANGOR

Negeri Idaman, Maju, Sejahtera dan Berkebajikan selangorku Pembangunan Berkualiti, Rakyat Dipeduli mes Merakyatkan Ekonomi Selangor Program istimewa untuk rakyat Selangor ini terus-menerus ditambah sejak dari Mei 2008

## LOGO RASMI MPKK

KE ARAH GENERASI CEMERLANG MPKK KG RINCHING HILIR

Ke Arah Generasi Cemerlang

## FACEBOOK PAGES

Pages Manager

## RELATED

SKRH Rinching Hilir
Masjid Rinching Hilir